

**TINJAUAN TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR MENGENAI BIDANG
PEKERJAAN DALAM BIDANG UKUR TANAH DI POLITEKTIK SULTAN
HAJI AHMAD SHAH**

JAMAAYAH BINTI MOHD HASSAN

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2003

DEDIKASI

Buat Suami Tercinta...

Semoga segala sumber inspirasi, tiupan semangat dan kasih sayangmu yang dicurahkan selama ini akan berkekalan hingga ke akhir hayat.

Buat Ayahanda dan Bonda...

Segala jasa dan pengorbanan serta berkat doa kalian berdua menjadi 'nur' yang tidak akan padam di dalam kejayaan dan kecemerlangan anakanda pada masa ini dan juga masa mendatang, insyaallah

Buat Keluarga Tersayang...

Terima kasih di atas segala sokongan yang diberi

Buat Rakan-rakan Seperjuangan...

Terima kasih segala-galanya dan hargailah detik-detik kita bersama



PTTA
PERPUSTAKAAN TEKNIKAL TUN AMINAH

PENGHARGAAN

“DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menyiapkan projek sarjana ini mengikut perancangan. Alhamdulillah. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga, para sahabat dan para penjuang Islam hingga ke akhir zaman.

Ucapan setinggi terima kasih dikalung khas buat penyelia projek ini, Prof. Madya Dr. Ahmad Zaidi bin Johari kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan, membantu serta memberi peluang dan kepercayaan dalam menyediakan projek sarjana ini.

Terima kasih ini juga dirakamkan kepada ketua penilai kertas kajian ini iaitu Dr. Hajah Noraini binti Haji Kaprawi dan penilai kedua iaitu Tuan Haji Kamarudin bin Khalid di atas nasihat dan pandangan yang telah diberikan. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Ukur Tanah di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah serta pelajar-pelajar semester 6 Diploma Ukur Tanah yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang baik di dalam membantu ke arah penyempurnaan projek ini.

Seterusnya penghormatan juga kepada keluarga, suami tercinta, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas dorongan, teguran dan nasihat yang berguna supaya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Sesungguhnya yang baik itu datangnye dari Allah dan yang buruk itu adalah dari kelemahan diri saya sendiri. Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang pekerjaan di dalam bidang ukur tanah di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. Kajian ini berdasarkan kepada permasalahan yang timbul iaitu kurangnya tahap pengetahuan pelajar ukur tanah terhadap bidang pekerjaan. Oleh kerana itu, ia telah mengakibatkan pelajar-pelajar lepasan diploma ataupun ijazah yang berlatarbelakangkan pendidikan ukur tanah bekerja di dalam bidang lain. Selain itu juga, kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau hala tuju pelajar apabila tamat pengajian kelak. Pengkaji juga meninjau hubungan diantara 2 pembolehubah iaitu tahap pengetahuan pelajar dengan hala tuju pelajar. Responden untuk kajian ini terdiri daripada 38 orang pelajar semester akhir Diploma Ukur Tanah. Data dikumpul menggunakan soal selidik. Data kemudian diproses menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* 11.0 (SPSS 11.0). Hasil dapatan kajian, menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar dalam bidang pekerjaan ukur tanah dan perancangan hala tuju pelajar apabila menamatkan pengajian kelak adalah di tahap sederhana (skor min=2.94 dan 2.90). Kedua-dua pembolehubah mempunyai hubungan korelasi yang sangat lemah ($r=0.154$). Hasil daripada data yang dikumpulkan pengkaji telah mengemukakan penyelesaian dan cadangan yang bersesuaian untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah membangunkan Buku Direktori Agensi-agensi Pekerjaan Dalam Bidang Ukur Tanah dengan harapan ia dapat membantu meningkatkan tahap pengetahuan pelajar jurusan ukur tanah dan juga dapat dijadikan rujukan kepada institusi pengajian tinggi serta pusat kaunseling dan bimbingan kerjaya yang menawarkan kursus ukur tanah terutamanya kepada pelajar yang bakal menamatkan pengajian mereka.

ABSTRACT

The purpose of this study is to explore the 'Student' Level of Knowledge on the Occupations Offered by the Land Surveying at Sultan Haji Ahmad Shah Polytechnic. This research is based on the existing problem, which is the low level knowledge among the land surveyors undergraduate about their occupation. As a consequence of this problem, many of the graduate land surveyors pursue other field of work. Beside that, this research will show the future course than can be chosen by land surveyors graduates after graduation. For this research, questionnaires are being distributed to the 38 student's of Diploma in Land Survey in final semester. Questionnaires were the main instruments that were used in data collection and were processed using SPSS (Statistical Package For Social Science version 11.0). the findings of this research shows that the level of understanding about land surveying occupation and the future available options are at the moderate level (score min = 2.94 and 2.90). The two matters have weak correlation ($r=0.154$). Through the gathered data, researcher is able to purpose and suggest some idea and products in order to answer the research questions. The idea and product that were suggested are important for the future used among the higher learning institutions that offers Land Survey program. What's the most important thing is, the future graduates that are going to complete their studies can use it.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PERAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.8 Batasan Kajian	7

1.9	Kerangka Kerja Teoritikal	8
1.10	Definisi Konseptual Dan Pengoperasian	
1.10.1	Pelajar semester akhir Diploma Ukur Tanah	9
1.10.2	Tahap pengetahuan pelajar	9
1.10.3	Halatuju Pelajar	10
1.10.4	Ukur Tanah	10
1.10.5	Buku Panduan Pekerjaan	10
1.10.6	Politeknik	10
1.11	Ringkasan	11

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Kerjaya	12
2.3	Kerja dan Pekerjaan	13
2.4	Kurikulum Pendidikan Ukur Tanah	14
2.5	Perkembangan Bidang Kerja Ukur	18
2.6	Peluang pekerjaan Jurukur	18
2.7	Deskriptif Tugas Jurukur	19
2.8	Pengambilan Pekerja	21
2.9	Sorotan Kajian Lepas	23
2.10	Ringkasan	24

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.2.1	Kajian Berbentuk Tinjauan	27
3.2.2	Kajian Kualitatif dan Kuantitatif	27
3.3	Persampelan	28
3.3.1	Responden Kajian	28
3.4	Instrumen Kajian	29
3.4.1	Borang Soal Selidik	30

3.5	Kajian Rintis	31
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	32
	3.6.1 Data Primer	32
	3.6.2 Data Sekunder	33
3.7	Kaedah Penganalisaan Data	33
3.8	Ringkasan	35

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	36
4.2	Analisis Bahagian A	
	4.2.1 Jantina	36
	4.2.2 Umur Responden	37
	4.2.3 Bangsa Responden	38
	4.2.4 Status Perkahwinan	38
	4.2.5 Pengalaman Bekerja	39
	4.2.6 Bidang Pekerjaan	39
4.3	Prosedur Menganalisis Data	40
4.4	Analisis Bahagian B : Tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang pekerjaan dalam bidang ukur tanah	41
4.5	Analisis Bahagian C : Hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian kelak	49
4.6	Analisis Bahagian D : Perancangan hala tuju pelajar apabila tamat pengajian kelak	55
4.7	Analisis Bahagian E : Perlukah diwujudkan sesuatu panduan bidang pekerjaan dalam bidang ukur tanah	57
4.8	Analisis Korelasi	58
4.9	Ringkasan	59

BAB V : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	60
5.2	Perbincangan Dan Rumusan	
5.2.1	Tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang pekerjaan ukur tanah	61
5.2.2	Hala tuju pelajar apabila menamatkan pengajian kelak	64
5.2.3	Perancangan hala tuju pelajar apabila menamatkan pengajian kelak	67
5.2.4	Hubungan di antara tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang pekerjaan ukur tanah dengan hala tuju pelajar apabila menamatkan pengajian kelak	68
5.2.5	Perbincangan tentang perlukah diwujudkan sesuatu panduan bidang pekerjaan dalam bidang ukur tanah sebagai rujukan pelajar Diploma Ukur Tanah	69
5.3	Rumusan	69
5.4	Cadangan dan Saranan	71
5.4.1	Cadangan kepada Institusi-institusi dan Unit kaunseling	71
5.4.2	Cadangan kepada pensyarah	72
5.4.3	Cadangan untuk kajian lanjutan	72

BAB VI CADANGAN REKABENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	74
6.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	75
6.3	Objektif Penghasilan Produk	76
6.4	Kronologi Pembinaan Produk	76
6.5	Permasalahan Dalam Membangunkan Produk	79
6.6	Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	80
6.7	Sasaran Penggunaan Produk	80

6.8	Pengujian Produk	81
6.9	Cadangan	81
6.10	Rumusan	82

RUJUKAN	83
----------------	----

LAMPIRAN	88
-----------------	----



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Nilai skor berdasarkan darjah persetujuan.	31
3.2	Klasifikasi Kekuatan Korelasi.	34
4.1	Taburan responden mengikut jantina.	37
4.2	Taburan responden mengikut umur.	37
4.3	Taburan responden mengikut bangsa.	38
4.4	Taburan responden mengikut status perkahwinan.	38
4.5	Taburan responden mengikut pengalaman bekerja.	39
4.6	Taburan responden mengikut bidang pekerjaan.	39
4.7	Pengukuran tahap kecenderungan.	40
4.8	Skor min dan sisihan piawai responden bagi tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang pekerjaan ukur tanah.	41
4.9	Jawapan responden bagi item bidang ukur tanah mengandungi pelbagai jenis bidang ataupun sektor.	43
4.10	Jawapan responden bagi item bidang ukur tanah mempunyai pelbagai cadang kerjaya yang menarik.	43
4.11	Jawapan responden bagi item bidang ukur tanah adalah suatu bidang yang mencabar.	44
4.12	Jawapan responden bagi item peluang pekerjaan di dalam bidang ukur tanah hanyalah berkaitan dengan kerja dilapangan sahaja.	44
4.13	Jawapan responden bagi item terdapat lebih kurang 100 agensi Jurukur yang beroperasi di dalam Malaysia.	45

4.14	Jawapan responden bagi item terdapat hanya 6 bidang utama di dalam pekerjaan ukur tanah yang boleh menawarkan peluang pekerjaan.	46
4.15	Jawapan responden bagi item sebagai pelajar semester akhir Diploma Ukur Tanah di Politeknik, saya sudah mengetahui kesemua jenis pekerjaan di dalam bidang ukur.	46
4.16	Jawapan responden bagi item program pendidikan ukur tanah akan menyediakan pelajar untuk bekerja di dalam sektor kerajaan dan swasta.	47
4.17	Jawapan responden bagi item unit kaunseling sentiasa mendedahkan kepada pelajar mengenai bidang pekerjaan melalui seminar kerjaya atau aktiviti lain.	47
4.18	Jawapan responden bagi item unit kaunseling dan pensyarah bekerjasama untuk memberi lebih pengetahuan tentang sesuatu pekerjaan kepada pelajar.	48
4.19	Skor min dan sisihan piawai bagi hala tuju pelajar apabila tamat pengajian kelak.	49
4.20	Jawapan responden bagi item saya sudah pasti akan bekerja di dalam bidang ukur apabila tamat pengajian kelak.	50
4.21	Jawapan responden bagi item saya sudah pasti akan menyambung pelajaran di dalam bidang ukur apabila tamat pengajian kelak.	51
4.22	Jawapan responden bagi item saya sudah pasti akan menyambung pelajaran di dalam bidang lain apabila tamat pengajian kelak.	51
4.23	Jawapan responden bagi item saya berminat untuk bekerja di dalam sektor kerajaan yang berkaitan dengan bidang ukur tanah.	52
4.24	Jawapan responden bagi item saya berminat untuk bekerja di dalam sektor swasta yang berkaitan dengan bidang ukur tanah.	53
4.25	Jawapan responden bagi item sama ada saya bekerja ataupun menyambungkan pelajaran adalah bergantung kepada faktor-faktor peribadi yang lain.	53
4.26	Jawapan responden bagi item apa sahaja peluang pekerjaan di dalam bidang ukur yang ditawarkan kepada saya akan diterima.	54
4.27	Skor min dan sisihan piawai bagi perancangan hala tuju pelajar apabila tamat pengajian kelak.	55

4.28	Jawapan responden bagi item saya sudah mencari iklan-iklan pekerjaan melalui media masa seperti suratkhobar dan internet.	56
4.29	Jawapan responden bagi item saya belajar cara-cara untuk menulis 'resumé' dan mengisi borang pekerjaan terlebih dahulu.	56
4.30	Jawapan responden bagi item saya belajar cara-cara untuk menjalani temuduga.	57
4.30	Analisis korelasi Person	59



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	Kerangka Kerja Teoritikal	8
4.7	Carta pai jawapan responden bagi item perlukah diwujudkan sesuatu panduan bidang pekerjaan dalam bidang ukur tanah	58
6.1	Kronologi Pembinaan Produk	77



SENARAI SINGKATAN

POLISAS	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
S	Setuju
SS	Sangat Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik	88
B	Dapatan nilai alpa : kajian rintis	93
C	Dapatan analisis min, kekerapan, peratusan dan Keseluruhan analisis data.	95
D	Borang pengesahan	106



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan teknik dan vokasional merupakan pendidikan yang menitikberatkan latihan yang berkaitan dengan kerja dan kemahiran kerja. Pendidikan ini bukan sahaja dapat melengkapkan seseorang itu dengan kemahiran dan pengetahuan yang berguna untuk sesuatu pekerjaan, malahan ia turut melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran am. Di samping itu, ia juga dapat memupuk perkembangan sifat dan watak untuk menjadikan seseorang itu lebih bersedia berhadapan dengan cabaran-cabaran mendatang di dalam menuju Wawasan 2020.

Politeknik sebagai salah satu daripada Institusi Pendidikan Tinggi yang mana pendidikannya adalah berdasarkan pendidikan teknik dan vokasional. Secara umum, pendidikan teknik dan vokasional adalah sebarang pendidikan pada mana-mana peringkat yang cuba menyediakan manusia untuk kerjaya-kerjaya tertentu (spesifik) dalam bidang-bidang tertentu. Pendidikan teknik menyediakan pelbagai bidang pekerjaan seperti di sektor perindustrian, perusahaan, pertanian dan sektor-sektor yang berkaitan. Sehingga 2002, terdapat 13 Politeknik telah ditubuhkan dan bilangannya meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan bilangan Politeknik

membuktikan bahawa negara memerlukan tenaga kerja yang terlibat dalam bidang teknik dan vokasional untuk mengisi kekosongan yang ada untuk memantapkan pembangunan sumber manusia.

Perkembangan sektor ekonomi Malaysia yang pesat menyebabkan struktur ekonomi negara berubah daripada sebuah negara yang berorientasikan pertanian kepada sektor perindustrian dan kini menuju ke era teknologi maklumat. Namun begitu persaingan yang hebat di dalam bidang perniagaan dan pekerjaan sama ada swasta atau awam telah menyebabkan golongan remaja yang hendak bekerja ini mempunyai pilihan untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan mereka (Mat Hassan, 1997).

Salah satu kursus yang ditawarkan di Politeknik adalah Kursus Ukur Tanah. Di mana Ukur Tanah adalah penglibatan kerja-kerja pengukuran pada muka bumi untuk menentukan kedudukan relatif titik-titik pada permukaan bumi. Kursus ukur tanah pada amnya, memberi penekanan yang sama antara teori dan amali. Kursus Ukur Tanah yang ditawarkan menyediakan dua tahap iaitu tahap Sijil dan tahap Diploma. Peringkat sijil memberi peluang kepada graduannya untuk bekerja sebagai juruteknik ukur tanah samada di jabatan kerajaan atau swasta. Graduan yang mempunyai diploma pula layak bekerja sebagai pembantu teknik ukur tanah dimana-mana pejabat kerajaan dan pejabat swasta yang berkaitan. Oleh itu, bidang ukur tanah menyediakan peluang pekerjaan yang begitu meluas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Wan Ariffin (1984), ukur tanah ditakrifkan sebagai sains berkenaan dengan penentuan kedudukan dan ukuran paramuka-paramuka di atas permukaan bumi, termasuk penyediaan bagi skala-skala dan peraturan kerja-kerja untuk kemajuan tanah. Pentafsiran ini mengandungi urusan asas dalam ukuran semula

garisan sempadan asal hartabenda tanah, pemecahan tanah, pengukuran topografi dan pemetaan melibatkan fotoudara yang lebih dikenali sebagai fotogrammetri.

Takrifan ukur tanah juga melibatkan fungsi-fungsi yang lebih jelas seperti terdapat di dalam kerja-kerja pembinaan, kejuruteraan seperti pengukuran untuk lebuh raya, landasan keretapi, pengukuran hidrografi, perlombongan, perumahan dan lain-lain lagi.

Menurut Mohd Apandi (1983), graduan yang selesai dan berjaya menamatkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf diserap ke kategori I di Jabatan Ukur Kerajaan, Cawangan-cawangan ukur di Badan Berkanun Kerajaan, Pusat Pengajian Tinggi dan sektor swasta. Jenis-jenis kerja yang ditawarkan oleh jabatan-jabatan berkenaan adalah berbeza-beza. Jabatan ukur kerajaan mengendalikan bidang kadastra dan topografi manakala sektor swasta dalam bidang kadastra dan ukur kejuruteraan.

Oleh kerana itu bidang ukur tanah telah menyediakan peluang pekerjaan yang begitu banyak dalam pelbagai jenis pekerjaan samada di sektor swasta atau kerajaan. Tetapi pada umumnya, kebanyakan pelajar ukur tanah hari ini masih mempunyai masalah dalam pemilihan kerjaya. Ini disebabkan oleh pelajar politeknik tidak didedahkan terlebih awal tentang alam pekerjaan sebenar dan selain itu mereka juga tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bidang kerjaya yang mereka pilih. Menurut Ginzberg (1951), menegaskan bahawa pendedahan terhadap penentuan bidang kerjaya seseorang individu itu diperjelaskan lebih awal terutama di tahap penerokaan iaitu pada peringkat umur sebelum sebelas tahun. Oleh itu pelajar perlu didedahkan lebih awal kepada alam pekerjaan yang bakal ditempuhi supaya mereka mempunyai pengetahuan kerjaya yang luas dan mampu membuat persediaan yang sewajarnya.

Walaupun peluang pekerjaan banyak ditawarkan kepada pelajar ukur tanah, tetapi mereka masih kabur tentang maklumat ataupun peluang kerjaya yang terdapat di dalam bidang ukur tanah. Selain itu, mereka juga masih teraba-raba dan tercari-cari iaitu apakah yang akan terjadi kepada diri mereka apabila ke alam pekerjaan (kerajaan atau swasta) kelak.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian yang dilakukan ini adalah sebenarnya berdasarkan kepada masalah yang dikenalpasti oleh penyelidik terdahulu. Merujuk kepada maklumat di dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Wan Nor Shahida, 2002 yang bertajuk “Profil Graduan Ukur”, didapati masih terdapat pelajar yang tidak bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan kelulusan mereka. Ini adalah kerana mereka menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana agak sukar mencari kerja dalam bidang ukur. Jadi, mereka terpaksa menerima tawaran yang mereka perolehi walaupun kerja tersebut tidak sama dengan bidang yang telah dipelajari. Selain itu, mereka berpendapat bahawa sukar untuk mendapat pekerjaan di dalam bidang ukur tanah kerana bidang kerjanya adalah terhad dan terpaksa bersaing dengan graduan dari institusi lain.

Hasil temubual daripada beberapa orang pelajar Diploma Ukur Tanah di POLISAS, menyatakan bahawa ada sebahagian daripada mereka tidak berhasrat untuk bekerja di dalam bidang ukur tanah. Mereka berpendapat bidang kerjanya adalah terhad dan pekerjaan dalam bidang ukur tanah adalah mencabar.

Permasalahan yang timbul seperti yang dinyatakan di atas mungkin disebabkan kurangnya tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang-bidang pekerjaan ukur tanah yang sebenarnya menawarkan pelbagai peluang pekerjaan. Timbulnya permasalahan ini juga mungkin disebabkan oleh faktor lain seperti kurangnya pendedahan terhadap pelajar mengenai bidang pekerjaan ukur tanah yang sebenar. Oleh yang demikian, beberapa aspek telah dikenalpasti oleh pengkaji yang menyebabkan pengkaji berminat untuk meninjau “Sejauhmanakah tahap pengetahuan pelajar Diploma Ukur Tanah mengenai bidang pekerjaan dalam bidang ukur tanah”.

1.4 Tujuan Kajian

Pengkaji telah mengenalpasti tujuan kajian terhadap tahap pengetahuan pelajar Diploma Ukur Tanah mengenai bidang-bidang pekerjaan di dalam bidang ukur tanah. Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar program Diploma Ukur Tanah terhadap bidang pekerjaan dalam bidang ukur tanah.
- ii. Untuk mengetahui hala tuju pelajar Diploma selepas menamatkan pengajian kelak.
- iii. Meninjau hubungan di antara tahap pengetahuan pelajar dengan hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian kelak.
- iv. Untuk menyediakan cadangan buku direktori pekerjaan bagi pelajar Diploma Ukur Tanah di politeknik.

1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji telah mengenalpasti persoalan kajian yang timbul daripada tajuk kajian dan juga melalui pernyataan masalah kajian. Soalan-soalannya adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap pengetahuan pelajar Diploma Ukur Tanah mengenai bidang pekerjaan yang boleh diceburi di dalam bidang ukur tanah?
- ii. Bagaimanakah hala tuju pelajar-pelajar Diploma Ukur Tanah selepas menamatkan pengajian kelak?
- iii. Sejauhmanakah perancangan hala tuju pelajar-pelajar Diploma Ukur Tanah selepas menamatkan pengajian kelak?

- iv. Bagaimanakah hubungan di antara tahap pengetahuan pelajar dalam bidang pekerjaan ukur tanah dengan perancangan hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian kelak?

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanyalah tertumpu kepada perkara-perkara ataupun bahagian-bahagian seperti di bawah:

- i. Kajian ini hanya dilakukan ke atas pelajar Diploma Ukur Tanah semester 6 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang (POLISAS).
- ii. Kajian ini hanya tertumpu untuk meninjau tahap pengetahuan pelajar terhadap bidang-bidang pekerjaan di dalam bidang ukur di Malaysia sahaja.
- iii. Hanya melibatkan seramai 38 orang responden Diploma Ukur Tanah.
- iv. Menggunakan borang soal selidik untuk mengutip data utama dan menggunakan data deskriptif dan inferansi untuk menganalisis data.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memberi faedah dan kepentingan kepada semua pihak. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat:

- i. Memberi maklumat yang berguna kepada pelajar bahawa terdapat pelbagai bidang pekerjaan yang ditawarkan dan boleh disertai oleh pelajar ukur tanah.

- ii. Memberi maklumat yang berguna kepada pelajar supaya sedar akan kepentingan untuk menentukan hala tuju selepas tamat pengajian nanti.
- iii. Memberi maklumat yang berguna serta kesedaran kepada Pusat Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya POLISAS untuk mempertingkatkan lagi usaha dalam memperbagaikan maklumat kerjaya kepada pelajar.
- iv. Memberi maklumat yang berguna kepada pensyarah supaya lebih peka untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang peluang pekerjaan yang ada.
- v. Untuk dijadikan sebagai panduan dan bahan rujukan kepada bakal penyelidik yang berminat untuk menyambung kajian ini.


1.8 Batasan Kajian

Pengkaji telah mengenalpasti batasan-batasan kajian yang telah dihadapi sepanjang tempoh kajian. Batasan-batasan kajiannya adalah seperti berikut:

- i. Batasan dari segi masa akan menghadkan penyelidikan untuk mengumpul lebih banyak sampel kajian daripada institusi pengajian tinggi yang terlibat.
- ii. Penumpuan kajian hanya dihadkan di dalam bidang pekerjaan ukur tanah dan ianya juga terhad kepada satu Politeknik yang menawarkan Program Diploma Ukur Tanah.
- iii. Batasan dari segi kewangan yang akan menghadkan proses kajian.
- iv. Batasan dari segi mengumpulkan maklumat ataupun bahan kajian yang terdahulu.

1.9 Kerangka Kerja Teoritikal

Kerangka kerja teoritikal di dalam Rajah 1.0 adalah diadaptasi daripada kajian-kajian lepas iaitu Asmidar (2001) dan Safiza (2003). Oleh kerana penyelidikan ini adalah tertumpu kepada kajian terhadap pengetahuan pelajar, maka pelajar yang perlu terlibat haruslah dikenalpasti terlebih dahulu. Pelajar yang terlibat ialah pelajar semester akhir Diploma Ukur Tanah di POLISAS.



Rajah 1.0 : Kerangka Kerja Teoritikal

RUJUKAN

Abdul Fatah Abdul Malik. (1986). Memahami penyelidikan pendidikan: satu pengenalan. Kuala Lumpur : Universiti Pertanian Malaysia.

Abdul Majid Mohamed (1997). Cadastral reforms in Malaysia. SYMPOSIUM on cadastral systems in developing countries held in conjunction with FIG commission 7 annual meeting in Penang, Malaysia. Diperolehi pada Ogos 8, 2002 dalam WWW :
<http://www.fig7.org.uk/publications/penag97sympreport.htm>

Ahmad Esa (2001). Etika profesional dalam pengurusan usahawan : satu analisis lapangan kertas kerja. Dalam seminar kebangsaan sosioekonomi dan IT.

Ahmad Mahdzan Ayob (1995). Kaedah penyelidikan dalam sosio-ekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmidar Ahmad Salleh (2001). Sikap pelajar terhadap Program Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik. Tesis master yang tidak diterbitkan. Kolej Teknologi Tun Hussein Onn.

Azlini Mohd Salleh (2001). Tinjauan hala tuju pelajar-pelajar Diploma Maklumat di Politeknik Seberang Perai setelah tamat pengajian. Tesis master yang tidak diterbitkan. Kolej Teknologi Tun Hussein Onn.

Azrul Nizam Abdul Aziz (2003). Keberkesanan program latihan industri di kalangan pelajar diploma jurusan Akauntansi di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Tesis master yang tidak diterbitkan. Kolej Teknologi Tun Hussein Onn.

DeSimone, R.L. & Harris, D.M. (1998). Human resource development, 2nd .Ed. Fort Worth: the Dryden Press, Harcourt Brace College Publishers.

Esa Abd. Samad (2000). Pencapaian akademik bukan jaminan kerjaya. Dewan Siswa.

Furham, A. & Stacy, B (1991). *Young people's understanding of society*. London and NewYork : Raoutledge. 56-82.

Ginzberg, E. (1951). *Occupation choice an approach to a general theory*. New York : Columbia University Press.

Izwarni Salleh (2001). A study on sexual harassment at workplace. Faculty of Hotel & Tourism Management. Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Mara.

John C. Trinder, Lihua Lian & Ewan G.Masters (1996). Curriculum development for surveyors/geomatic engineers in Australia, 37th Australian Surveyors Congress, Australian.

Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kartina Alauddin (1998). Kajian kesesuaian graduan lepasan ijazah ukur bahan dari universiti tempatan dengan kehendak firma ukur bahan. Tesis ijazah yang tidak diterbitkan. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Kiejcie, R. V. & Morgan, D.W (1970). *Determining sample size for research; educational and pyshological measurement*. New York. Mc Graw-Hill.

Mat Hassan Esa (1997). *Gerakan pelajar : kepimpinan, pengurusan dan cabaran*. Bangi, Selangor : Pustaka Generasi Baru. 52 – 60.

Mazura Stapah @ Salleh (2002). Penghasilan manual asas pembinaan laman web sebagai bahan rujukan pembelajaran pelajar sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tesis master yang tidak diterbitkan. Kolej Teknologi Tun Hussein Onn.

Mohd Apandi Hj Mohamad (1999). Peranan jurukur dalam pembangunan negara. Johor : Universiti Teknologi Malaysia. Tesis.

Mohd Majid Konting (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan pendidikan. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0 for windows. Kuala Lumpur : Venton Publishing.

Mohd Yunus Tamin (1998). Pembangunan infrastruktur kebangsaan bagi maklumat tanah (NaLIS). Bengkel perancangan strategik NaLIS, Hotel City Bayview, Langkawi Kedah. Diperolehi pada Ogos 6, 2002 dalam WWW : <http://www.nalis.gov.my/kertas6m.htm>

Muhammad Daud Mahdzur (2002). Perspektif pelajar ijazah terhadap masa depan Sains Geomatik. Projek sarjana muda. Universiti Teknologi Mara.

Muhd. Mansur Abdullah (1987). "Kaunseling: Teori, Proses dan Kaedah." Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Nik Aziz Nik Pa (1982). Persedian kaum remaja kepada kerjaya : dalam laporan persidang nasional kaum remaja. Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Noor Suriani Nazruddin (2000). Pemilihan kerjaya di kalangan pelajar : satu tinjauan. Tesis master yang tidak diterbitkan. Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

- Norliza Mat Abu (2000). Tahap kompeten pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan: kajian kes. Tesis master yang tidak diterbitkan. Institut Teknologi Tun Hussein Onn.
- Nor Saidatul Rajeah Zamzam Amin (1998). Keperluan perkhidmatan kaunseling kerjaya kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam pemilihan kerjaya : satu kajian kes. Universiti Malaysia Sarawak. Diperolehi pada Januari 4, 2003 dalam WWW :
<http://www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis0004/contents.htm>
- Ramlee Mustapha (2000). Pengintegrasian akademik dan vokasional : cabaran pendidikan alaf baru. Jurnal Teknologi. Jilid 32 (Jun) : 12-21.
- Roberts, R & Dolan, J. (1989). Children's perception of work : an exploratory study. Education review 41. 51-56.
- Safiza Alfian Yusof (2003). Tahap pengetahuan pelajar mengenai bidang pekerjaan dalam industri pelancongan di Politeknik. Tesis master yang tidak diterbitkan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Sidang Editor (1998). Buku panduan program pendidikan Politeknik, Kursus Ukur Tanah. Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah (2001). Remaja dan Pemilihan Kerjaya. Dewan Kosmik.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). Analisis data dalam penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Super, D. E (1957). The psychology of careers.. New York: Harper & Row Publishers. 14 – 56.
- Suraya Akmar Mokhtaruddin (2001). Kemahiran yang diperlukan untuk menceburi industri perbankan. Tesis master yang tidak diterbitkan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Thomas, M.J.W. (1998). A Theoretical Framework and Model For Achieving Enhanced Learning Through Information Use in Higher Education. Diperolehi pada Ogos 6, 2002 dalam WWW :
<http://www2.auckland.ac.nz/cpd/HERDSA/HTML/TchLearn/THOMAS.HTM>

Tolbert, E. L. (1974). Caunseling for career development. Boston: Houghton Mifflin Company. 55 – 60.

Wan Ariffin Sulaiman (1984). Peranan dan penglibatan Jurukur Tanah ke arah pembangunan negara dalam projek perumahan. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis.

Wan Shahida Wan Ismail (2002). Profial graduan ukur. Projek sarjana muda. Universiti Teknologi Mara.

_____ (ND). Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 8 (SPA8). Diperolehi pada Sept 20, 2002 dalam WWW :
<http://www.spa.gov.my>

_____ (1995). California occupatinal guide number 106. Diperolehi pada Ogos 25, 2002 dalam WWW :
<http://stats.bls.gov/oco/oco2003.htm>